TABUNG HAJI

MINGGU 06

WAJIB-WAJIB HAJI:

MELONTAR DI JAMRAH KUBRA 10 ZULHIJJAH, MABIT DI MINA DAN MELONTAR PADA HARI-HARI TASYRIQ DAN NAFAR



Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemabruran

TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

لَبَّيْكَ اللّٰهُمَّ لَبَّيْكَ لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu ya Allah, Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu, Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan adalah kepunyaan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu.

NOTA Bertalbiah disunatkan selepas niat hingga sebelum memulakan Tawaf bagi Umrah dan sebelum melontar Jamrah Kubra/Tawaf Haji.

OBJEKTIF

1. Menyatakan syarat-syarat sah melontar di Jamrah pada 10 Zulhijjah dan hari-hari Tasyriq.
2. Memahami konsep bermalam (mabit) di Mina.
3. Membezakan antara Tahallul Awwal dan Tahallul Thani serta Nafar Awwal dan Nafar Thani.

ISI KANDUNGAN

1. Wajib Haji 4: Melontar Jamrah Kubra
2. Tahallul Awwal dan Tahallul Thani
3. Wajib Haji 5: Bermalam (mabit) di Mina
4. Wajib Haji 6: Melontar ketiga-tiga Jamrah
5. Nafar Awwal atau Nafar Thani

WAJIB HAJI 4:
MELONTAR JAMRAH KUBRA

PELAKSANAAN RUKUN & WAJIB HAJI



1 Niat Ihram Haji



2 Niat di Miqat

3 Larangan Ihram


SERENTAK



4 Wuquf di Arafah



5 Mabit di Muzdalifah




6 Melontar Jamrah Kubra pada 10 Zulhijjah




7 Bergunting/ Bercukur




8 Mabit di Mina 11, 12 dan 13 Zulhijjah



9 Melontar Ketiga-tiga Jamrah pada 11, 12 & 13 Zulhijjah



10 Tawaf



11 Sa'ie

12 Tertib pada Kebanyakan Rukun

RUKUN HAJI WAJIB HAJI

PERGERAKAN HAJI

ZH - Zulhijjah, R - Rukun Haji, W- Wajib Haji

8 ZULHIJJAH

HARI TARWIYYAH

MAKKAH

Niat (R)/Miqat (W) /Ihram Haji (W)

Selepas Nafar Thani

- **Sebelum balik: Tawaf Rukun (R) dan Sa'ie (R)**
- **Tahallul Thani**

9 ZULHIJJAH

HARI ARAFAH

ARAFAH

8/9 ZH:
Tiba & bermalam di Arafah
9 ZH:
Wuquf (R) selepas gelincir matahari

Sebahagian malam di sini Mabit (W) seketika atau hingga terbit fajar sidiq

MUZDALIFAH

10 ZULHIJJAH

- **Jamrah Kubra (W)**
- **Bercukur/ Bergunting (R)**
- **Tahallul Awwal**

Nafar Awwal atau Nafar Thani

10 ZH:
Hari Nahar
11, 12 & 13 ZH:
Mabit di Mina (W) & lontaran pada Hari-hari Tasyriq (W)

MINA

10,11,12 &13 ZULHIJJAH

Pulang ke Makkah selepas Nafar Awwal/Nafar Thani

WAJIB HAJI 4: MELONTAR JAMRAH KUBRA



Jamrah Kubra: 7 biji anak batu

Melontar Jamrah Kubra pada 10 Zulhijjah (Hari Nahar) di Mina.

MASUK WAKTU

Bermula selepas separuh malam 10 Zulhijjah dan berakhir apabila terbenam matahari (masuk waktu Maghrib) 13 Zulhijjah

WAKTU AFDHAL

Pada waktu Dhuha 10 Zulhijjah

WAJIB HAJI 4: MELONTAR JAMRAH KUBRA



NOTA Jarak di antara Jamrah Sughra ke Jamrah Wusta ialah 200 meter. Manakala jarak antara Jamrah Wusta ke Jamrah Kubra ialah 247 meter.

WAJIB HAJI 4: MELONTAR JAMRAH KUBRA



NOTA


- Lontaran Jamrah Kubra 10 Zulhijjah hendaklah dilakukan sebelum lontaran hari-hari tasyriq.
- Dilarang melontar untuk orang lain kecuali setelah melontar untuk dirinya sendiri.

TAHALLUL AWWAL DAN TAHALLUL THANI

TAHALLUL AWWAL DAN TAHALLUL THANI

Jenis-jenis Tahallul

Tahallul adalah melepaskan diri daripada larangan ihram.



TAHALLUL AWWAL DAN TAHALLUL THANI

3 (TIGA) PERBUATAN YANG MENGHASILKAN TAHALLUL HAJI

1



MELONTAR JAMRAH KUBRA

2



BERGUNTING ATAU BERCUKUR

3



TAWAF DAN SA'IE

NOTA

- Apabila jemaah Haji melaksanakan 2 dari 3 perbuatan di atas maka terhasillah Tahallul Awwal.
- Pelaksanaan ketiga-tiga perbuatan menghasilkan Tahallul Thani.
- Pelaksanaan perbuatan tersebut tidak perlu mengikut turutan.

TAHALLUL AWWAL DAN TAHALLUL THANI

Penghasilan Tahallul Awwal dan Tahallul Thani

LAKUKAN DUA DARIPADA TIGA

Tahallul Awwal terhasil di Mina

1. Melontar Jamrah Kubra
2. Bergunting/bercukur

1. Melontar Jamrah Kubra
2. Tawaf & Sa'ie

Tahallul Awwal terhasil di Makkah

1. Tawaf & Sa'ie (Tamattu')
2. Bergunting/bercukur

Bebas 10 daripada 13 larangan ihram kecuali pendahuluan persetubuhan, bersetubuh dan hal ehwal nikah kahwin.

LAKUKAN YANG KETIGA

Tahallul Thani terhasil di Makkah

3. Tawaf & Sa'ie (Tamattu')

3. Bergunting/bercukur

Tahallul Thani terhasil di Mina

3. Melontar Jamrah Kubra

Bebas tiga baki larangan ihram.

- Setelah melaksanakan WUQUF dan selepas separuh malam 10 Zulhijjah.

WAJIB HAJI 5:
BERMALAM (MABIT) DI MINA

WAJIB HAJI 5: MABIT DI MINA

BERMABIT DI MINA





WAJIB HAJI 5: MABIT DI MINA

Mabit (bermalam) di Mina bermaksud berada di bumi Mina pada malam Hari Tasyriq dalam tempoh lebih daripada separuh malam.



MABIT (BERMALAM)
PADA MALAM 11, 12 & 13 ZULHIJJAH



WAJIB HAJI 5: MABIT DI MINA

Tempoh bermabit:

Pendapat yang muktamad iaitu:

Berada lebih daripada separuh malam

WAJIB HAJI 5: MABIT DI MINA

PENGECUALIAN MABIT JIKA UZUR

- Orang yang takut dirinya mendapat bahaya.
- Orang yang takut kehilangan atau kebinasaan harta bendanya atau harta benda orang lain yang diamanahkan kepadanya walaupun sedikit.
- Orang yang mencari orang yang sesat atau hilang.
- Orang yang sakit dan sukar baginya untuk mabit.
- Orang yang menjaga atau menemani orang yang sakit di luar Mina.
- Orang yang di luar Mina tidak mendapat tempat untuk mabit kerana kawasan Mina telah penuh sesak dan padat dengan Jemaah Haji.
- Petugas-petugas yang diarahkan menguruskan kebajikan Jemaah Haji.




WAJIB HAJI 5: MABIT DI MINA

AMALAN-AMALAN SUNAT DI MINA



Bertakbir



Membaca al-Quran



Sentiasa dalam keadaan berwuduk




Solat berjemaah



Tolong-menolong



Fokus kepada ibadat



Berdoa, berselawat, beristighfar & berzikir

WAJIB HAJI 5: MABIT DI MINA

PERBUATAN YANG DITEGAH SEWAKTU DI MINA

فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ

Maka tidak boleh melakukan perkara tidak senonoh, tidak boleh melakukan maksiat dan tidak boleh bertengkar dalam masa mengerjakan Haji.

- (Surah al-Baqarah: ayat 197)



WAJIB HAJI 5: MABIT DI MINA



SUASANA JEMAAH HAJI DI PERKHEMAHAN MINA